



Terms and Conditions for Touch 'n Go Generic Card

1.0 Definitions

- 1.1 **“Card”** means a smart Card utilizing contactless technology and commonly described as the “Touch ‘n Go Card”.
- 1.2 **“Card Transaction”** means an electronic transaction generated using the Card at any of the Service Providers or Point-Of-Sales to conduct the Services and Reload transaction.
- 1.3 **“Credit Value”** means the equivalent monetary value (excluding the Deposit), which can be used towards the Services.
- 1.4 **“Deposit”** means the sum, if any, specified by TNGSB from time to time as a condition for the issuance of the Card and is refundable at any point of time subject to compliance of the applicable Terms and Conditions of this Agreement.
- 1.5 **“Expired”** means in relation to the Card, a period of ten (10) years having elapsed from its date of issue.
- 1.6 **“GST”** means the Goods and Services Tax. The Goods and Services Tax (“GST”) shall only apply upon the enactment of the Goods and Services Tax Act 2014 and upon the implementation date of the said GST law in Malaysia.
- 1.7 **“Invalidated Card”** means a Card that cannot be utilized at any point-of-usages, e.g. Toll lanes, LRT/Monorail/KTM gates, retail and Parking readers.
- 1.8 **“Issuer”** means TNGSB or any other financial institution duly authorized by TNGSB. The list of the authorized financial institutions can be found in the website of TNGSB at <http://www.touchngo.com.my>.
- 1.9 **“Personal Data”** means Personal Data and other information collected by TNGSB from You.
- 1.10 **“Point-Of-Sale”** means a facility where the Card is sold and other customer support and services are rendered. The list of authorized Point-Of-Sales is listed in the website of TNGSB at <http://www.touchngo.com.my>.
- 1.11 **“Purchase Price”** means the sum, if any, specified by TNGSB from time to time as a condition for the purchase of the Card, instead of the Deposit, and is not refundable.
- 1.12 **“Registration Form”** means the form prescribed and designed by TNGSB filled by You.
- 1.13 **“Related Corporations”** means the related corporations as defined under the Companies Act, 1965 and include their respective directors and employees.
- 1.14 **“Reload”** means the transaction of adding Credit Value to the Card conducted at any authorized Service Providers or Point-Of-Sales.



- 1.15 **“Service Provider”** means a merchant, a seller or an organization, which has agreed to accept payments through the use of the Card for goods and / or services sold and / or provided. The lists of authorized Service Providers are listed in the website of TNGSB at <http://www.touchngo.com.my>.
- 1.16 **“Services”** means the Touch ‘n Go services and supplemental or additional services in relation thereto to be facilitated and/or provided by TNGSB.
- 1.17 **“Terms and Conditions”** means these Terms and Conditions and the terms of services, policies and procedures as may be varied or modified from time to time at TNGSB's sole discretion.
- 1.18 **“TNGSB”** means Touch ‘n Go Sdn Bhd (Company No. 406400-X), a company incorporated in Malaysia and having its operational office at Tower 6, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.
- 1.19 **“You” or “Your”** means You as the person to whom the Card has been issued for the purpose of using the Services in accordance with these Terms and Conditions.

2.0 Terms and Conditions

2.1 Definitions

- 2.1.1 Refer Item 1

2.2 Agreement

- 2.2.1 The Services are provided on "as is" and "as available" basis and TNGSB shall not be liable for and makes no express or implied representations or warranties of any kind in relation to the Services including but not limited to availability, accessibility and uninterrupted use of the Services.

2.3 Use of the Card

- 2.3.1 The Card shall at all times be the exclusive property of TNGSB and You shall not transfer the Card to any other person without informing TNGSB in writing.
- 2.3.2 TNGSB is under no obligation to replace or compensate You for Your lost, stolen, damaged, faulty, cloned and/or any unauthorized Reload.
- 2.3.3 To obtain the Card, You shall complete the Registration Form and submit at any Point-Of-Sales. If You are a recipient of complimentary Card, You are advised to complete the Registration Form as proof of ownership. This will facilitate refund should You wish to surrender the Card.
- 2.3.4 You must ensure the accuracy of the information given in the Registration Form and keep TNGSB updated in writing as proof of notice of any changes in the particulars furnished.

- 2.3.5 You are responsible for the safekeeping and usage of the Card. You are required to use the Card in accordance with the procedures, instructions and guidelines set and prescribed by TNGSB from time to time and You shall not sell, damage, manipulate, copy, reverse-engineer or tamper with the Card nor do any act of modification to the Card.
- 2.3.6 You shall use all precautions to prevent the loss, theft, unauthorized use and/or cloning of the Card. In the event of loss, theft, unauthorized use and/or cloning of the Card, You shall immediately notify TNGSB in writing. Unauthorized use shall include conducting Reload transactions at unauthorized Service Providers, Point-Of-Sales or persons. You shall remain liable for all loss and damage incurred by TNGSB in relation to the Card including all costs associated with its unauthorized use.
- 2.3.7 TNGSB and/or the Service Providers shall not honor any unauthorized use of the Cards and these Cards shall be invalidated by TNGSB.
- 2.3.8 TNGSB shall not refund the Deposit (if any) and the remaining Credit Value on cloned and Invalidated Cards as specified in Clause 2.3.6.
- 2.3.9 You are entitled to use the Card for Services at any of the authorized Service Providers and Point-Of-Sales based on the remaining Credit Value of Your Card.
- 2.3.10 TNGSB shall not be liable for any act, refusal and/or omission by Service Providers to accept the Card nor shall TNGSB be liable for any defect or deficiency in any of the Services provided by the Service Providers.
- 2.3.11 Your Card is valid at all times unless it is invalidated or cancelled pursuant to the Terms and Conditions of this Agreement.
- 2.3.12 TNGSB shall be entitled at its absolute discretion to cease, terminate or suspend the Services, as the case may be, without prior notice and/or compensation to You:
- i. in the event of any technical failure in the Services network;
 - ii. whilst the Services are being upgraded, modified or maintained;
 - iii. if You breach any of Terms and Conditions contained herein;
 - iv. if You do anything which may in the opinion of TNGSB cause damage or interruption to the Services;
 - v. if it is in TNGSB's opinion that the Services are or may be used for a fraudulent, illegal or unlawful purpose including but not limited to breaches of legislation, regulation and/or guidelines under the Financial Services Act 2013 and/or Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001.
 - vi. if the Card has Expired i.e. exceeded ten (10) years lifespan.

In the event Services had been ceased, terminated or suspended by TNGSB in accordance with Clause 2.3.12 above, it shall be lawful for TNGSB to retain any and all reload monies for an indefinite period of time in accordance with applicable legislation, regulation and/or guidelines; and consequently You shall not be entitled to obtain any refund whatsoever on the card balances

or any part thereof; and You shall not be entitled to claim any form of compensation for any loss arising therefrom.

2.3.13 The maximum Credit Value of a Card is RM1, 500.00 only at any one time.

2.4 **Lost and Stolen Card**

2.4.1 Subject to Clauses 2.4.2 to 2.4.5 below, all lost or stolen Cards may only be invalidated by TNGSB upon the:

- i. Verbal (telephone) notification by the Cardholder with TNGSB's authorized officer ("verbal notification"); followed by
- ii. Written notification addressed to TNGSB via letter and transmitted by hand/mail/fax ("written notification");

2.4.2 Card invalidation shall be effective within twenty-four (24) hours of verbal notification by Cardholder stated in Clause 2.4.1 above. Cardholder will remain liable for all Card Transactions (including all costs associated with its unauthorized use) prior to actual Card invalidation. Consequently, TNGSB shall not be responsible to refund any monies arising from use by any persons till the expiry of 24 hours from the date of Cardholder notification.

2.4.3 Upon satisfaction of Clause 2.4.1 and 2.4.2 above, TNGSB shall:

- i. Refund the Credit Value (less any applicable fees) within thirty (30) days of receipt of written notification specified in Clause 2.4.1(ii) above.
- ii. Retain the right to charge RM10.60 only for the refund of any lost Card by deducting the amount (and any other fees applicable) from the Credit Value of the lost or stolen Card.
- iii. Retain the right not to entertain any claims of lost or stolen Card if the information given by You is deemed incomplete.

2.4.4 No Card may be invalidated or credit refund processed unless the last Card Transaction occurred within a period of three (3) months prior to the date of written notification.

2.4.5 Credit Value refund of RM200.00 only or above will only be processed by TNGSB upon production of a photocopy of the Cardholder's NRIC.

2.5 **Replacement Card**

2.5.1 If a Card becomes faulty or damaged, You are required to bring the Card and complete a Complaint Form available at Touch 'n Go Hubs, Point-Of-Sales or Sales Counters at selected highways and rail, monorail and/or KTM railway or commuter stations, in order to obtain a replacement Card. Touch 'n Go may increase the locations of such Counters at its sole discretion.

2.5.2 The replacement Card will be issued within fifteen (15) working days from the date on the Complaint Form.

- 2.5.3 TNGSB has the right to deduct Deposit (if any) from the old Card's balance when issuing replacement Card;
- i. if the Card is not in good and working condition determined by TNGSB; or
 - ii. if the Card is a free Deposit Card; or
 - iii. if the Card's Deposit is less than the current rate.

2.5.4 For Card with Purchase Price, TNGSB will guarantee the technical functionality of the Card for a period of **thirty (30) days** from date of purchase. If the Card cannot be utilized due to a manufacturing defect but is still in good physical condition as determined by TNGSB, TNGSB shall be liable to replace the Card.

2.6 Inactive Card

2.6.1 If there is no Card Transaction for a period of twelve (12) consecutive months, the Card shall be deactivated by TNGSB (Inactive / Unutilized Card).

2.6.2 Subject to Clause 2.6.1, a Dormant Fee shall be imposed based on the following Terms and Conditions:

- a) RM5.30 (If Card is not in use for the last twelve (12) consecutive months, fee will be levied from the unutilized Card balance for the subsequent year)
- b) RM5.30 (will be charged every subsequent six (6) month after that until the Card balance is depleted or up to seven (7) years whichever comes first).

2.6.3 In the event the Credit Value is fully exhausted from the aforementioned deduction(s), TNGSB shall have the right to deduct the Deposit (if any) for Dormant Fee. Once the Credit Value and Deposit (if any) are fully exhausted, Your Card will be terminated by TNGSB ("Terminated Card"). Provided the Cards not exceeded ten (10) years lifespan.

2.6.4 Prior to termination of the Card pursuant to 2.6.3 above, You may request for a refund on available balances remaining in Your Inactive Card (after deductions of charges stipulated in 2.6.2 (before depletion) to 2.6.3 above) by submitting Your request to TNGSB at any time before the Inactive Card is terminated by TNGSB. Should You wish to continue using the TNGSB's Services You will be required to apply for a new Card.

2.6A GST

2.6A.1 Unless expressly stated otherwise, all fees or other sums payable or any other consideration provided, or to be provided, under or in connection with this Agreement, are GST exclusive.

2.6A.2 The prices herein stated are inclusive of Goods and Services Tax (GST); 6% GST.



2.7 Expired Card

- 2.7.1 If a Card has Expired, this Card may experience usage failure at any point-of-usages, e.g. Toll lanes, LRT/Monorail/KTM gates and Parking readers.
- 2.7.2 You may change Your Card in advance i.e three (3) months before Card expiry date in order to avoid any usage interruption and inconvenience due to Card failure at the point of usage.
- 2.7.3 TNGSB has the right to deduct Credit Value from the old Card's balance (if any) when issuing a new Card, subtracting a Card Price of RM10.60 only.
- 2.7.4 You may contact TNGSB Careline at 03-2714 8888 or visit our Touch 'n Go Sales and Reload Counter nearest to You to check the purchase date/year of Your Touch 'n Go Card.

2.7A Warranty

- 2.7A.1 With effect from 1st April 2015, the new card warranty period shall be thirty (30) days from the date of purchase.
- 2.7A.2 For all cards purchased prior to 1st April 2015, the warranty period shall end on 30th April 2015 or one (1) year from the date of purchase, whichever is earlier.

2.8 Termination

- 2.8.1 You may at any time surrender the Card to TNGSB and discontinue the use of the Services ("Returned Card"). TNGSB shall at its sole discretion determine the condition of the Returned Card and will refund the Deposit (if applicable) and any remaining Credit Value to You within thirty (30) days upon surrender less a Refund Fee of RM5.30 only.
- 2.8.2 TNGSB reserves the right, at its sole and absolute discretion, without incurring any liability in whatsoever form and manner, to invalidate, cancel and/or terminate the Card or to suspend and/or restrict the usage of the Card at any given time, without having to give notice or assign any reason whatsoever to You with immediate effect from the date of notice of termination.

2.9 Indemnity

- 2.9.1 TNGSB and/or its Related Corporations shall not be liable for, and You agree to indemnify TNGSB and/or its Related Corporations against all claims, losses, liabilities, proceedings, demands, costs and expenses (including legal fees) which may result or which TNGSB and/or its Related Corporations may sustain in connection with or arising from the provision of the Services to You due to Your negligence.

3.0 Liability

- 3.0.1 TNGSB, its officers, employees, agents and/or its Related Corporations shall not be liable to You or any third party authorized by or claiming through You for any loss or damage, whether direct, indirect, special or consequential, or for loss of business, revenue or profits or of any nature

suffered by You or any person authorized by You, or any loss, damage or injury caused to or suffered by a person or damage to property arising from or occasioned by:-

- i. the use or inability to use by You or any persons authorized by You, of the Services or any part thereof;
- ii. any malfunction, unauthorized use, cloning of or defect in the Services/ Card or any part thereof for whatever reasons;
- iii. any act, omission, error, default or delay by TNGSB, its officers, employees and agents and/or its Related Corporations in relation to the Services;
- iv. in respect of any representation or implication that may arise as a result of:-
 - a. any cancellation and /or refusal to issue a new Card by TNGSB;
 - b. any suspension or restriction imposed by TNGSB on the use of the Card;
 - c. circulation of the particulars of Invalidated Cards to Service Providers;
 - d. withdrawal of any benefits or privileges conferred on You under the Card,
- v. arising from any act or omission of any Service Providers, howsoever caused;
- vi. due to any retention of the Card and/or refusal by any Service Providers to honor the Card;
- vii. in respect of any statement, representation or communication made by any Service Providers;
- viii. as a result of defect or deficiency in goods purchased or Services rendered by any Service Providers; or
- ix. due to any act /omission beyond the reasonable control of TNGSB.

3.0.2 Without limiting the generality of Clause 3.0.1, TNGSB, its officers, employees, agents and/or its Related Corporations shall not be liable to You or any third party authorized by or claiming through You for :-

- i. any claim for libel, slander, infringement of any intellectual property rights arising from the transmission and receipt of material in connection with the Services and any claims arising out of any act or omission on Your part in relation to the Services or any part thereof;
- ii. any loss or damage caused to You as a result of the suspension/termination of the Services and the interruption/loss of the Services or any part thereof from any cause;
- iii. any loss, distortion or corruption of data arising from the use of the Services any unlawful or unauthorized access to Your Card data; or
- iv. interruption or unavailability of the Services as a result of including but not limited to software issues, equipment failure or congestion in the Related Corporations' network.

3.0.3 Subject to and without prejudice to the foregoing, in the event TNGSB and/or its Related Corporations is liable to any party, under contract, tort or otherwise, for whatsoever reason however arising, TNGSB's liability and/or its Related Corporations liability shall not under any event whatsoever exceed the Credit Value stored in the Card or the sum of RM500.00 only, whichever is the lower.

3.1 **Disclosure of Information**

3.1.1 TNGSB shall maintain Your personal details provided in the Registration Form as private and confidential unless such information is necessary to be disclosed if required so for the purpose of provisions of Services to You TNGSB shall not disclose Your information to any third parties for purposes other than for the purpose of providing Services to You unless You expressly consent to it.

3.1.2 Notwithstanding Clause 3.1.1 , TNGSB may use and/or disclose the information to:-

- i. regulatory bodies or other authorities in compliance with requirements under law or towards the detection or prevention of crime and/or fraud;
- ii. any party involved in or related to a legal proceeding for purposes in connection with the Services;
- iii in order to comply with any legal obligations to which TNGSB is subject to.

3.1A **Personal Data Protection Act 2010**

3.1A.1 You acknowledge that You are aware and give Your consent to TNGSB that the information collected by TNGSB from You (“Personal Data”) will be used and/or disclosed in accordance to TNGSB’s Privacy Notice as posted on TNGSB’s website at www.touchngo.com.my and the Personal Data Protection Act 2010.

3.2 **Term**

3.2.1 TNGSB reserves the right at its absolute discretion, from time to time, to vary, add to or otherwise amend these Terms and Conditions or any part thereof including without limitation the Services. TNGSB shall furnish You with the notice on the variation, addition or otherwise amendment to the Terms and Conditions either in writing, via electronic means, displayed at our business premises, announced on our official website or published in national daily newspapers in the main language no less than twenty one (21) days prior to the effective date of the said variation, addition or amendment to the Terms and Conditions, as the case may be. Your continued use of the Services after the effective date of any variation, addition or amendments to the Terms and Conditions shall constitute unconditional acceptance of such variations, additions or amendments by You and You will be bound by the same. If You do not accept such variation, addition or amendment, You shall be entitled to terminate the use of the Services. TNGSB shall not be liable for any loss or inconvenience to You resulting there from.

3.2.2 The fees and charges imposed by TNGSB pursuant to the Terms and Conditions may change from time to time. TNGSB shall notify Cardholders of any changes to the fees and charges imposed by TNGSB giving no less than twenty one (21) days prior to the effective date of the said changes to the fees and charges.

3.3 **Notices**



- 3.3.1 All notices, requests and/or other communications to be given by TNGSB to You under these Terms and Conditions may either be by:-
- i. ordinary mail; and
 - ii. display of notices at TNGSB and/or any of Touch 'n Go counters; and/or
 - iii. published in the official website (www.touchngo.com.my); and/or
 - iv. published in national daily newspapers in the main languages, circulated generally throughout Malaysia, and shall be deemed notification upon posting/publication.

- 3.3.2 All notices, requests and/or other communications to be given by You to TNGSB under these Terms and Conditions must be communicated to the following address:

Customer Service Department
Touch 'n Go Sdn Bhd
Tower 6, Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
Careline: 03-2714 8888
Fax: 03-2714 8889
E-mail: careline@touchngo.com.my

- 3.3.3 If there are any complaints or inquiries and there is no feedback given by TNGSB, You can contact Bank Negara LINK and TELELINK in:

Bank Negara Malaysia
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Ground Floor, D Block,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur

Contact Centre (BNMTELELINK)
Tel : 1-300-88-5465
(Foreign: 603-2174-1717)
Fax: 603-2174-1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

3.4 Other Term

- 3.4.1 This Terms and Conditions shall be governed by and interpreted in accordance with the Laws of Malaysia and You hereby agree to submit to the non-exclusive jurisdiction of the courts of Malaya at Kuala Lumpur, waive any objection on the ground of venue or forums non convenient or any similar grounds; and consent to accept service of any legal process by registered mail or in any other manner permitted by the relevant laws and service of which shall be deemed effective three (3) days upon posting.
- 3.4.2 In addition to the Terms and Conditions contained herein, all Card Transactions transacted using the automated teller machine (“ATM”) shall also be governed by the relevant bank’s ATM Terms and Conditions.

- 3.4.3 If any of the provision herein contained should be invalid, illegal or unenforceable under any applicable law, the legality and enforceability of the remaining provisions shall not be affected or impaired in any way and such invalid, illegal or unenforceable provision shall be deemed deleted.
- 3.4.4 No delay or indulgence by TNGSB in enforcing any term or condition of these Terms and Conditions nor the granting of time by TNGSB to You shall prejudice the rights or powers of TNGSB nor shall any waiver by TNGSB of any breach constitute a continuing waiver in respect of any subsequent or continuing breach.
- 3.4.5 The Clauses that shall survive the termination of this Agreement: 2.9.1, 3.0.1, 3.0.2, and 3.0.3.
- 3.4.6 The Terms and Conditions constitutes the entire agreement between the parties concerning the subject matter herein and supersedes all previous Terms and Conditions, understanding, representations and warranties relating to that subject matter.
- 3.4.7 The Terms and Conditions of this Agreement are also available in Bahasa Malaysia. In the event of inconsistency between both Terms and Conditions, English version of the Terms and Conditions shall prevail.

Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Generik Touch 'n Go

1.0 Definisi

- 1.1 "**Borang Permohonan**" bermaksud borang khusus direka oleh TNGSB dan diisi oleh Anda.
- 1.2 "**CBP**" bermaksud Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan. Cukai Barang dan Perkhidmatan ("CBP") hanya akan terpakai pada pelaksanaan enakmen Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 di Malaysia dan pada tarikh pelaksanaan undang-undang GST tersebut di dalam Malaysia.
- 1.3 "**Data Peribadi**" bermaksud Data Peribadi dan maklumat lain yang diterima oleh TNGSB dari Anda.
- 1.4 "**Deposit**" bermaksud jumlah wang, jika ada, yang ditentukan oleh TNGSB dari semasa ke semasa sebagai syarat untuk pengeluaran Kad dan akan dikembalikan pada bila-bila masa tertakluk kepada pematuhan Terma-terma dan Syarat-syarat yang digunakan mengikut Perjanjian ini.
- 1.5 "**Harga Belian**" bermaksud jumlah wang, jika ada, yang ditentukan oleh TNGSB dari semasa ke semasa sebagai syarat pembelian Kad, bukannya Deposit, dan tidak akan dikembalikan.
- 1.6 "**Kad**" bermaksud Kad pintar yang menggunakan teknologi tanpa sentuh dan dikenali sebagai "Kad Touch 'n Go".
- 1.7 "**Kad Tidak Sah**" bermaksud Kad yang tidak boleh digunakan di mana-mana lokasi penggunaan, seperti di lorong tol, LRT / Monorail / KTM, sektor peruncitan dan di pengimbas Parkir.
- 1.8 "**Kamu**" atau "**Anda**" bermaksud Anda sebagai orang yang mana Kad telah dikeluarkan bagi tujuan menggunakan Perkhidmatan selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat berkaitan.
- 1.9 "**Lokasi Jualan**" bermaksud kemudahan di mana Kad dijual melalui khidmat pelanggan dan lain-lain Perkhidmatan yang diberikan. Senarai Lokasi Jualan bertauliah ada disenaraikan dalam laman web TNGSB di <http://www.touchngo.com.my>.
- 1.10 "**Nilai Kredit**" bermaksud nilai setara wang (tidak termasuk Deposit), yang boleh digunakan bagi Perkhidmatan.
- 1.11 "**Pengeluar**" bermaksud TNGSB atau mana-mana institusi kewangan lain yang diberi kuasa oleh TNGSB. Senarai institusi kewangan yang bertauliah boleh didapati di laman web TNGSB di <http://www.touchngo.com.my>.
- 1.12 "**Penyedia Perkhidmatan**" bermaksud seorang peniaga, penjual atau sebuah pertubuhan yang telah bersetuju untuk menerima bayaran melalui penggunaan Kad untuk barangan dan / atau Perkhidmatan yang dijual dan / atau disediakan. Senarai Pembekal Perkhidmatan bertauliah ada disenaraikan dalam laman web TNGSB di <http://www.touchngo.com.my>

- 1.13 **"Perbadanan Berkaitan"** bermaksud perbadanan yang berkaitan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat, 1965 termasuk pengarah dan pekerja mereka.
 - 1.14 **"Perkhidmatan"** bermaksud Perkhidmatan Touch 'n Go dan / atau Perkhidmatan tambahan Touch 'n Go yang berkaitan dengannya yang akan dikendalikan dan / atau disediakan oleh TNGSB.
 - 1.15 **"Tamat Tempoh"** bermaksud tempoh sepuluh (10) tahun setelah tarikh pengeluaran Kad.
 - 1.16 **"Tambah Nilai"** bermaksud transaksi Tambah Nilai kredit ke dalam Kad yang dilakukan di mana-mana Penyedia Perkhidmatan bertauliah atau di Lokasi Jualan.
 - 1.17 **"Terma-terma dan Syarat-syarat"** bermaksud Terma-terma dan Syarat-syarat serta terma Perkhidmatan, polisi dan prosedur sebagaimana yang diubah atau diubahsuai dari semasa ke semasa mengikut budi bicara TNGSB.
 - 1.18 **"TNGSB"** bermaksud Touch 'n Go Sdn Bhd (No. Syarikat 406400-X), sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan beroperasi di Tower 6, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.
 - 1.19 **"Transaksi Kad"** bermaksud transaksi elektronik menerusi penggunaan Kad di mana-mana Penyedia Perkhidmatan atau Lokasi Jualan yang melaksanakan Perkhidmatan dan transaksi Tambah Nilai.
- 2.0 **Terma-terma dan Syarat-syarat**
- 2.1 **Definisi**
- 2.1.1 Rujuk Perkara 1
- 2.2 **Perjanjian**
- 2.2.1 Perkhidmatan yang disediakan adalah mengikut dasar "sebagaimana" dan "yang terdapat" dan TNGSB tidak akan bertanggungjawab dan membuat sebarang representasi nyata atau tersirat atau sebarang bentuk jaminan berhubung dengan Perkhidmatan termasuk, tetapi tidak terhad kepada akses ketersediaan, kecapaian dan penggunaan tanpa gangguan Perkhidmatan.
- 2.3 **Penggunaan Kad**
- 2.3.1 Kad adalah pada setiap masa menjadi milik eksklusif TNGSB dan Anda tidak boleh memindahkan Kad kepada orang lain tanpa memberitahu TNGSB secara bertulis.
 - 2.3.2 TNGSB tidak wajib untuk mengganti atau membayar pampasan kepada Anda bagi sebarang kehilangan, kecurian, kerosakan, pengklonan dan / atau Tambah Nilai yang tidak dibenarkan.
 - 2.3.3 Untuk mendapatkan Kad, Anda dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan dan mengembalikannya di mana-mana Lokasi Jualan. Sekiranya Anda seorang penerima Kad

komplimentari, Anda dinasihatkan supaya melengkapkan Borang Permohonan sebagai bukti pemilikan. Ini akan memudahkan bayaran balik jika Anda ingin menyerahkan kembali Kad.

- 2.3.4 Anda perlu memastikan maklumat yang diberikan dalam Borang Permohonan adalah tepat dan mengemaskini butiran Anda secara bertulis kepada TNGSB sebagai bukti notis pemakluman tentang apa-apa perubahan dalam butiran yang diberikan.
- 2.3.5 Anda bertanggungjawab bagi keselamatan dan penggunaan Kad. Anda dikehendaki menggunakan Kad mengikut prosedur, arahan dan garis panduan yang ditentukan dan ditetapkan oleh TNGSB dari semasa ke semasa dan Anda tidak boleh menjual, merosakkan, memanipulasi, menyalin, mempelbagai dan tidak melakukan apa-apa perbuatan pengubahsuaian kepada Kad.
- 2.3.6 Anda hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan sebarang kehilangan, kecurian, penggunaan tanpa kebenaran dan / atau pengklonan Kad. Sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kecurian, penggunaan tidak dibenarkan dan / atau pengklonan Kad, Anda hendaklah memberitahu TNGSB secara bertulis dengan segera. Penggunaan yang tidak dibenarkan adalah termasuk menjalankan urusan urusniaga Tambah Nilai dengan Pembekal Perkhidmatan yang tidak dibenarkan, Lokasi Jualan atau orang yang tidak bertauliah. Anda akan bertanggungjawab terhadap segala kerugian dan kerosakan yang ditanggung oleh TNGSB berhubung dengan Kad termasuk semua kos yang berkaitan dengan penggunaan yang tidak dibenarkan.
- 2.3.7 TNGSB dan / atau Pembekal Perkhidmatan tidak boleh menerima apa-apa penggunaan Kad yang tidak dibenarkan dan TNGSB boleh menjadikan Kad tersebut tidak sah.
- 2.3.8 TNGSB tidak akan mengembalikan Deposit (jika ada) dan baki Nilai Kredit pada Kad yang diklon dan tidak sah seperti dinyatakan dalam Fasal 2.3.6.
- 2.3.9 Anda berhak menggunakan Kad untuk Perkhidmatan dengan mana-mana Pembekal Perkhidmatan dan Lokasi Jualan yang bertauliah berdasarkan baki Nilai Kredit Kad Anda.
- 2.3.10 TNGSB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan, keengganan dan / atau pengabaian oleh Penyedia Perkhidmatan untuk menerima Kad dan TNGSB tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan atau kekurangan dalam mana-mana Perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan.
- 2.3.11 Kad Anda adalah sah pada setiap masa melainkan jika ia menjadi tidak sah atau dibatalkan selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Perjanjian ini.
- 2.3.12 TNGSB berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk memberhentikan, menamatkan atau menggantung Perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan, tanpa notis dan/atau pampasan kepada Anda:
 - i. sekiranya berlaku sebarang kegagalan teknikal dalam rangkaian Perkhidmatan;
 - ii. jika Perkhidmatan sedang dipertingkatkan, diubahsuai atau diselenggara;
 - iii. jika Anda melanggar mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat berkaitan;
 - iv. jika Anda membuat apa-apa yang boleh membawa kepada kerosakan atau kemudaratan kepada Perkhidmatan mengikut pandangan TNGSB;

- v. jika ia adalah menurut pendapat TNGSB bahawa Perkhidmatan adalah atau boleh digunakan untuk tujuan penipuan atau menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelanggaran undang-undang, peraturan dan / atau garis panduan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan / atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Pembiayaan Keganasan 2001.
- vi. jika Kad telah Tamat Tempoh iaitu melebihi sepuluh (10) tahun jangka hayat.

Sekiranya Perkhidmatan telah dihentikan, ditamatkan atau digantung oleh TNGSB mengikut Fasal 2.3.12 di atas, maka adalah sah bagi TNGSB untuk menyimpan apa-apa dan semua wang tambah nilai untuk jangka masa yang tidak terhad berpatuhan dengan undang-undang, peraturan dan / atau garis panduan; dan dengan itu anda tidak berhak untuk mendapatkan sebarang bayaran balik ke atas baki kad atau mana-mana bahagiannya; dan anda tidak berhak untuk menuntut apa-apa bentuk pampasan atas kerugian yang timbul daripadanya.

2.3.13 Nilai Kredit maksimum dalam Kad hanya RM1,500.00 sahaja pada satu masa.

2.4 Kad hilang dan dicuri

2.4.1 Tertakluk kepada Fasal 2.4.2 hingga 2.4.5 di bawah, semua Kad yang hilang atau dicuri hanya boleh dibatalkan oleh TNGSB apabila:

- i. Pemberitahuan secara lisan (telefon) oleh pemegang Kad kepada pegawai bertauliah di TNGSB ("pemberitahuan lisan"); diikuti oleh
- ii. Pemberitahuan bertulis yang dialamatkan kepada TNGSB melalui surat dan dihantar dengan serahan tangan / pos / faks ("pemberitahuan bertulis");

2.4.2 Ketidaksahihan Kad akan berkuatkuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas pemberitahuan lisan oleh Pemegang Kad yang dinyatakan dalam Fasal 2.4.1 di atas. Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab ke atas semua Transaksi Kad (termasuk semua kos berkaitan penggunaan yang tidak dibenarkan) sebelum ketidaksahihan Kad sebenar. Akibatnya, TNGSB tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa wang yang timbul daripada penggunaan oleh sesiapa sehingga Tamat Tempoh 24 jam dari tarikh pemberitahuan Pemegang Kad.

2.4.3 Apabila Fasal 2.4.1 dan 2.4.2 di atas dipatuhi sepenuhnya, TNGSB hendaklah:

- i. Mengembalikan Nilai Kredit (tolak sebarang yuran berkenaan) dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas penerimaan pemberitahuan bertulis yang dinyatakan dalam Fasal 2.4.1(ii) di atas.
- ii. Mengekalkan hak untuk mengenakan bayaran sebanyak RM10.60 sahaja untuk pembayaran balik mana-mana Kad yang hilang dengan menolak jumlah (dan lain-lain yuran berkenaan) dari Nilai Kredit Kad yang hilang atau dicuri.
- iii. Mengekalkan hak untuk tidak melayan sebarang tuntutan atas kehilangan atau kecurian Kad jika maklumat yang diberikan oleh Anda dianggap tidak lengkap.

2.4.4 Tiada Kad boleh menjadi tidak sah atau bayaran balik kredit diproses melainkan urusan Kad terakhir berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh pemberitahuan bertulis.

2.4.5 Nilai Kredit bayaran balik sebanyak RM200.00 sahaja atau lebih hanya akan diproses oleh TNGSB apabila salinan Kad pengenalan Pemegang Kad dikemukakan.

2.5 Penggantian Kad

2.5.1 Jika Kad menjadi rosak atau tidak boleh digunakan, Anda dikehendaki membawa Kad dan melengkapkan borang aduan yang boleh didapati di Hab Touch 'n Go, Lokasi Jualan atau Kaunter Jualan di lebuh raya dan rel yang terpilih, monorel dan / atau stesen keretapi atau komuter KTM, untuk mendapatkan Kad gantian. Touch 'n Go boleh menambah lokasi Kaunter berkaitan mengikut budi bicara mutlaknyanya.

2.5.2 Kad gantian akan dikeluarkan dalam tempoh lima belas (15) hari bekerja dari tarikh yang terdapat dalam borang aduan.

2.5.3 TNGSB mempunyai hak untuk menolak Deposit (jika ada) daripada baki Kad lama apabila mengeluarkan Kad gantian;

- i. sekiranya Kad tidak berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan sebagaimana ditentukan oleh TNGSB;
- ii. Jika Kad adalah Kad tanpa Deposit;
- iii. Jika Deposit Kad adalah kurang daripada kadar semasa.

2.5.4 Untuk Kad dengan Harga Belian, TNGSB akan memberi jaminan fungsi teknikal Kad untuk tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh pembelian. Sekiranya Kad tidak boleh digunakan disebabkan oleh kerosakan pembuatan tetapi masih dalam bentuk fizikal yang baik seperti yang ditentukan oleh TNGSB, TNGSB adalah bertanggungjawab untuk menggantikan Kad.

2.6 Kad Tidak Aktif

2.6.1 Jika tiada Transaksi Kad bagi tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut, Kad tersebut akan dinyahaktifkan oleh TNGSB (Kad Tidak Aktif / Kad Yang Tidak Digunakan).

2.6.2 Tertakluk kepada Fasal 2.6.1, bayaran Dorman akan dikenakan berdasarkan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat berikut:

- a) RM5.30 (sekiranya Kad tidak digunakan dalam tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut, caj akan dikenakan dan akan ditolak dari baki Kad pada tahun berikutnya)
- b) RM5.30 (caj akan dikenakan bagi setiap enam (6) bulan seterusnya sehingga baki Kad habis atau bagi tempoh tujuh (7) tahun; yang mana terdahulu)

2.6.3 Sekiranya Nilai Kredit habis berdasarkan perkara di atas, TNGSB berhak untuk memotong Yuran berkaitan dari Deposit (jika ada). Apabila Nilai Kredit dan Deposit (jika berkenaan) telah habis, Kad Anda akan ditamatkan oleh TNGSB ("Kad Ditamatkan"). Dengan syarat, Kad tidak melebihi sepuluh (10) tahun jangka hayat.

2.6.4 Sebelum Kad ditamatkan menurut Fasal 2.6.3 di atas, Anda boleh meminta bayaran balik ke atas baki yang ada di dalam Kad Tidak Aktif Anda (selepas potongan caj yang dinyatakan dalam Fasal 2.6.2 (sebelum baki Kad habis) hingga 2.6.3 di atas) dengan mengemukakan permohonan Anda kepada TNGSB pada bila-bila masa sebelum Kad Tidak Aktif ditamatkan oleh TNGSB. Sekiranya Anda ingin terus menggunakan Perkhidmatan TNGSB, Anda perlu memohon Kad yang baru.

2.6A CBP

2.6A.1 Hanya bila dinyatakan sebaliknya, kesemua yuran-yuran atau jumlah jumlah bayaran wang lain atau sebarang pertimbangan lain yang diberikan, atau akan diberikan, di bawah atau yang berkaitan dengan Perjanjian ini, adalah tidak termasuk CBP.

2.6A.2 Harga yang dinyatakan di sini adalah termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST); 6% GST.

2.7 Kad Tamat Tempoh

2.7.1 Sekiranya Kad telah Tamat Tempoh, kemungkinan Kad tidak akan boleh digunakan di mana-mana lokasi penggunaan, umpamanya di Lorong tol, LRT / Monorail / pintu masuk KTM dan di pengimbas Parkir.

2.7.2 Anda boleh menukar Kad Anda terlebih dahulu iaitu tiga (3) bulan sebelum tarikh Kad Tamat bagi mengelak sebarang gangguan kepada penggunaan dan kesukaran disebabkan kegagalan Kad di lokasi penggunaan.

2.7.3 TNGSB mempunyai hak untuk memotong Nilai Kredit daripada baki Kad lama (jika ada) apabila mengeluarkan Kad gantian, kurang dari Harga Kad iaitu RM10.60 sahaja.

2.7.4 Anda boleh menghubungi talian Careline TNGSB di 03-2714 8888 atau datang ke kaunter Touch 'n Go (Jualan dan Tambah Nilai) yang terdekat dengan Anda untuk memeriksa tarikh / tahun pembelian Kad Touch 'n Go Anda.

2.7A Waranti

2.7A.1 Bermula daripada 1 April 2015, tempoh waranti Kad baru adalah tiga puluh (30) hari daripada tarikh pembelian Kad.

2.7A.2 Bagi Kad-kad yang dibeli sebelum 1 April 2015, tempoh waranti akan tamat pada 30 April 2015 atau satu (1) tahun daripada tarikh pembelian Kad, mana-mana yang awal.

2.8 Penamatan

2.8.1 Anda boleh menyerahkan Kad kepada TNGSB dan menghentikan penggunaan Perkhidmatan ("Kad Dikembalikan"). TNGSB hendaklah mengikut budi bicara mutlakanya untuk menentukan keadaan Kad yang dikembalikan dan akan mengembalikan Deposit (jika ada) dan sebarang baki Nilai Kredit kepada Anda dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas ditolak Yuran Pemprosesan sebanyak RM5.30 sahaja.

2.8.2 TNGSB berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, tanpa menanggung apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, untuk membatalkan dan / atau menamatkan Kad atau menggantung dan / atau menyekat penggunaan Kad pada bila-bila masa, tanpa memberi notis atau menyerahhkan tanpa apa-apa alasan sekalipun dengan serta merta dari tarikh notis penamatan.

2.9 Indemniti

2.9.1 TNGSB dan / atau Perbadanan Berkaitan tidak akan bertanggungjawab, dan Anda bersetuju untuk menanggung rugi TNGSB dan / atau Perbadanan Berkaitan terhadap semua tuntutan, kerugian, liabiliti, prosiding, permintaan, kos dan perbelanjaan (termasuk yuran guaman) yang boleh berlaku atau di mana TNGSB dan / atau Perbadanan Berkaitan mungkin dikenakan atau timbul daripada peruntukan Perkhidmatan kepada Anda disebabkan kecuiaan Anda.

3.0 Liabiliti

3.0.1 TNGSB, pegawai, pekerja, agen dan / atau Perbadanan Berkaitan tidak akan bertanggungjawab kepada Anda atau mana-mana pihak ketiga yang bertauliah atau yang menuntut melalui Anda terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan, samada langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit, atau bagi kehilangan perniagaan, pendapatan atau keuntungan atau apa-apa jenis yang dialami oleh Anda atau sesiapa yang diberi kuasa oleh Anda atau mana-mana kerugian, kerosakan atau kecederaan yang disebabkan atau ditanggung oleh orang atau kerosakan kepada harta yang berbangkit atau disebabkan oleh: -

- i. penggunaan atau ketidakupayaan penggunaan oleh Anda atau mana-mana orang yang dibenarkan oleh Anda, bagi Perkhidmatan atau mana-mana bahagian darinya;
- ii. mana-mana kegagalan fungsi, penggunaan yang tidak dibenarkan, pengklonan atau kerosakan dalam Perkhidmatan / Kad atau mana-mana bahagiannya atas apa jua sebab;
- iii. apa-apa perbuatan, pengabaian, kesilapan, keingkaran atau kelewatan oleh TNGSB, pegawai, pekerja dan agen-agen dan / atau Perbadanan Berkaitan berhubung dengan Perkhidmatan;
- iv. berkenaan dengan apa-apa representasi atau implikasi yang mungkin timbul akibat daripada:-
 - a. apa-apa pembatalan dan / atau keengganan untuk pengeluaran Kad baru oleh TNGSB;
 - b. apa-apa penggantungan atau sekatan yang dikenakan oleh TNGSB ke atas penggunaan Kad;
 - c. pengedaran butir-butir Kad yang tidak sah kepada Pembekal Perkhidmatan;
 - d. penarikan balik sebarang manfaat atau keistimewaan yang diberikan kepada Kad Anda,
- v. yang timbul daripada apa-apa perbuatan atau pengabaian mana-mana Pembekal Perkhidmatan, walau bagaimana sekalipun;
- vi. disebabkan penahanan mana-mana Kad dan / atau penolakan oleh mana-mana Pembekal Perkhidmatan;

- vii. berkenaan dengan apa-apa kenyataan, representasi atau komunikasi yang dibuat oleh mana-mana Pembekal Perkhidmatan;
 - viii. akibat kerosakan atau kekurangan dalam barang-barang yang dibeli atau Perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana Pembekal Perkhidmatan; atau
 - ix. disebabkan apa-apa perbuatan / pengabaian di luar kawalan TNGSB.
- 3.0.2 Tanpa menghadkan peraturan dasar Fasal 3.0.1, TNGSB, pegawai, pekerja, agen dan / atau Perbadanan Berkaitan tidak akan bertanggungjawab kepada Anda atau mana-mana pihak ketiga yang bertauliah atau menuntut melalui Anda untuk: -
- i. apa-apa tuntutan seperti libel, fitnah, pelanggaran mana-mana hak harta intelek yang timbul daripada penghantaran dan penerimaan bahan berkaitan dengan Perkhidmatan dan apa-apa tuntutan yang timbul daripada apa-apa perbuatan atau pengabaian di pihak Anda berhubung dengan Perkhidmatan atau mana-mana bahagiannya;
 - ii. apa-apa kerugian atau kerosakan kepada Anda yang terjadi akibat penggantungan, penamatan Perkhidmatan dan gangguan / kerugian Perkhidmatan atau mana-mana bahagiannya oleh apa-apa sebab;
 - iii. apa-apa kerugian, penyelewengan data yang timbul daripada penggunaan Perkhidmatan apa-apa akses kepada data Kad Anda yang menyalahi undang-undang atau tidak dibenarkan; atau
 - iv. Gangguan atau ketiadaan Perkhidmatan termasuk, tetapi tidak terhad kepada isu-isu perisian, kegagalan kelengkapan atau kesesakan dalam rangkaian Perbadanan Berkaitan.
- 3.0.3 Tertakluk kepada dan tanpa prejudis kepada Fasal-Fasal sebelum ini, sekiranya TNGSB dan / atau Perbadanan Berkaitan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak, di bawah kontrak, tort atau sebaliknya, untuk apa jua sebab walau bagaimanapun timbul, liabiliti TNGSB dan /atau liabiliti Perbadanan Berkaitan tidak boleh di bawah apa jua keadaan sekalipun melebihi Nilai Kredit yang tersimpan di dalam Kad atau jumlah wang RM500.00 sahaja, yang mana lebih rendah.
- 3.1 Pendedahan Maklumat**
- 3.1.1 TNGSB hendaklah mengekalkan butir-butir peribadi Anda yang diberikan dalam Borang Permohonan sebagai sulit dan persendirian melainkan jika apa-apa maklumat perlu didedahkan jika dikehendaki sedemikian bagi maksud peruntukan Perkhidmatan kepada Anda TNGSB tidak boleh mendedahkan maklumat Anda kepada mana-mana pihak ketiga untuk tujuan selain daripada menyediakan Perkhidmatan kepada Anda melainkan dengan persetujuan Anda.
- 3.1.2 Walau apapun Fasal 3.1.1, TNGSB boleh menggunakan dan / atau mendedahkan maklumat kepada:
- i. badan-badan berkanun atau pihak berkuasa lain yang mengikut undang-undang atau sebarang pengesanan atau pencegahan jenayah dan / atau penipuan;
 - ii. mana-mana pihak yang terlibat atau berkaitan dengan prosiding undang-undang yang berkaitan dengan Perkhidmatan;
 - iii. untuk mematuhi apa-apa obligasi undang-undang yang tertakluk kepada TNGSB.

3.1A Perlindungan Data Peribadi

3.1A.1 Anda mengakui bahawa Anda mengetahui dan memberi kebenaran kepada TNGSB bahawa maklumat yang dikumpul oleh TNGSB daripada Anda ("Data Peribadi") akan digunakan dan / atau didedahkan mengikut Notis Privasi TNGSB seperti yang terdapat di laman web TNGSB di www.touchngo.com.my dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

3.2 Tempoh

3.2.1 TNGSB berhak mengikut budi bicara mutlak, dari semasa ke semasa, untuk mengubah, menambah atau meminda Terma-terma dan Syarat-syarat atau mana-mana bahagian termasuk, tetapi tidak terhad kepada Perkhidmatannya. TNGSB akan memberi notis kepada Anda mengenai perubahan, penambahan atau pindaan terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat samada secara bertulis, kaedah elektronik, dipamerkan di premis perniagaan kami, diumumkan di laman web rasmi kami atau disiarkan dalam akhbar harian dalam bahasa utama tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh kuat kuasa penambahan variasi, atau pindaan terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat, mengikut mana-mana yang berkenaan. Penggunaan berterusan Anda ke atas Perkhidmatan selepas tarikh kuat kuasa apa-apa perubahan, tambahan atau pindaan terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat ke atas variasi, tambahan atau pindaan oleh Anda dan Anda akan terikat dengan syarat yang sama. Jika Anda tidak menerima perubahan, tambahan atau pindaan tersebut, Anda berhak untuk menamatkan penggunaan Perkhidmatan. TNGSB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kesulitan yang dihadapi oleh Anda.

3.2.2 Yuran dan caj yang dikenakan oleh TNGSB menurut Terma-terma dan Syarat-syarat mungkin berubah dari semasa ke semasa. TNGSB hendaklah memberitahu Pemegang Kad mengenai apa-apa perubahan kepada yuran dan caj yang dikenakan oleh TNGSB dengan memberi tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh berkuatkuasanya perubahan terhadap yuran dan caj.

3.3 Notis

3.3.1 Semua notis, permintaan dan / atau komunikasi lain yang diberi oleh TNGSB kepada Anda di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut adalah samada melalui:-

- i. pos biasa; dan
- ii. memaparkan notis di kaunter TNGSB dan / atau di mana-mana kaunter Touch 'n Go; dan /atau
- iii. disiarkan di laman web rasmi (www.touchngo.com.my); dan / atau
- iv. disiarkan dalam akhbar harian dalam bahasa-bahasa utama, diedarkan secara umum di seluruh Malaysia, dan hendaklah disifatkan sebagai pemberitahuan apabila penyiaran / penerbitan telah dibuat.

3.3.2 Semua notis, permohonan dan / atau komunikasi lain yang diberikan oleh Anda kepada TNGSB di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini mestilah dihantar ke alamat seperti yang berikut:

Jabatan Khidmat Pelanggan
Touch 'n Go Sdn Bhd

Tower 6, Avenue 5
Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
Careline: 03-2714 8888
Faks: 03-2714 8889
E-mel: careline@touchngo.com.my

- 3.3.3 Jika terdapat sebarang aduan atau pertanyaan di mana tidak diberi maklumbalas oleh pihak TNGSB, Anda boleh menghubungi Bank Negara LINK dan TELELINK di:

Bank Negara Malaysia
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Ground Floor, D Block,
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

Contact Centre (BNMTELELINK)
Tel : 1-300-88-5465
(Luarnegara: 603-2174-1717)
Faks: 603-2174-1515
Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my

3.4 **Terma-terma Lain**

- 3.4.1 Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut akan dikawal dan ditafsir menurut Undang-Undang Malaysia dan Anda dengan ini bersetuju kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaya di Kuala Lumpur, mengenyahkan apa-apa bantahan atas alasan tempat atau forum bukan mudah atau apa-apa alasan yang serupa; dan bersetuju untuk menerima penyampaian proses undang-undang melalui pos berdaftar atau dalam apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan dan Perkhidmatan yang boleh dianggap berkesan tiga (3) hari selepas pengeposan.
- 3.4.2 Sebagai tambahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung disini, semua Transaksi Kad yang diurusniagakan menggunakan mesin juruwang automatik ("ATM") juga akan dikawal oleh Terma-terma dan Syarat-syarat ATM bank berkenaan.
- 3.4.3 Jika terdapat mana-mana peruntukan yang terkandung di sini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang terpakai, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas atau terganggu dalam apa jua cara dan tidak sah, peruntukan yang menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan hendaklah disifatkan sebagai termansuh.
- 3.4.4 Tiada kelewatan atau kelonggaran oleh TNGSB dalam menguatkuasakan apa-apa Terma-terma dan Syarat-syarat dan tiada pemberian masa oleh TNGSB kepada Anda boleh menjejaskan hak atau kuasa TNGSB dan tiada apa-apa penepian oleh TNGSB akan mana-mana pelanggaran akan membentuk pengecualian berterusan berkenaan apa-apa pelanggaran berikutnya atau yang berterusan.

- 3.4.5 Fasal yang akan terus kekal walaupun dengan penamatan Perjanjian ini adalah: Fasal 2.9.1, 3.0.1, 3.0.2, dan 3.0.3.
- 3.4.6 Terma-terma dan Syarat-syarat merupakan keseluruhan Perjanjian di antara pihak-pihak berkaitan merujuk kepada perkara tersebut dan menggantikan semua Terma-terma dan Syarat-syarat sebelumnya, pemahaman, representasi dan waranti berkaitan.
- 3.4.7 Terma-terma dan Syarat-syarat Perjanjian tersebut juga boleh didapati dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua Terma-terma dan Syarat-syarat, Terma-terma dan Syarat-syarat dalam Bahasa Malaysia akan diguna pakai.